

Aplikasi Kurikulum Politeknik Melalui Program Tanggungjawab Sosial (Csr): Memperkasakan Graduan Tvet Yang Holistik

Wan Sabariah Wan Ismail* dan Aslina Arbain

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Seberang Perai.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ialah aplikasi kurikulum politeknik melalui Program Tanggungjawab Sosial (CSR): memperkasakan graduan Technical and Vocational Education and Training (TVET) yang holistik. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji signifikan aplikasi kurikulum akademik di politeknik melalui penglibatan secara langsung dengan komuniti terutama dalam bidang pendidikan. Kajian ini juga untuk mengenal pasti kebolehan pelajar yang boleh dieksploitasikan dalam proses penyampaian maklumat mengikut kesesuaian persekitaran. Selain daripada itu, kajian ini juga mengkaji dan memfokuskan kepada proses sosialisasi masyarakat di mana ia dapat memperkasakan potensi pelajar secara menyeluruh selaras dengan falsafah pendidikan negara (FPK) iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Responden adalah terdiri daripada Pelajar Politeknik Seberang Perai dan Peserta CSR yang menyertai beberapa Program CSR yang telah dijalankan. Kajian ini berbentuk kuantitatif melalui soal selidik dan kualitatif iaitu melalui pemerhatian dan temubual. Hasil dapatan kajian menunjukkan objektif bagi kajian aplikasi kurikulum politeknik melalui program CSR dalam memperkasakan graduan TVET yang holistic memberikan impak positif kepada pelajar. Cadangan penambahbaikan bagi memperbaiki dan memperkasakan program untuk memberikan manfaat bukan sahaja kepada pelajar politeknik tetapi juga kepada peserta CSR pada masa akan datang perlu diberikan perhatian.

PENGENALAN

Politeknik adalah Technical and Vocational Education and Training Institution (TVET) yang melahirkan ramai graduan bagi memenuhi keperluan permintaan industri untuk kepentingan pembangunan negara seiring dengan Revolusi 4.0. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mentransformasikan sistem politeknik untuk mengekalkan politeknik setanding dengan institusi TVET yang lain. Program-program yang ditawarkan di politeknik adalah relevan dan responsif mengikut keperluan dan kehendak industri global yang semakin mencabar sejajar dengan matlamat politeknik iaitu menjadi Institusi TVET yang unggul. Sistem pendidikan di Malaysia bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi agar mereka mampu menghadapi cabaran di masa akan datang [1].

Visi Politeknik Malaysia adalah untuk menjadi Institusi TVET yang unggul manakala salah satu misi politeknik adalah untuk membangunkan graduan holistik. Matlamat sistem pendidikan baru di Malaysia adalah untuk melahirkan graduan TVET yang holistik dan kompetan serta berkemampuan untuk menyumbang kepada pembangunan Negara. Pendidikan holistik adalah pendidikan yang membentuk pelajar merangkumi fizikal, emosi, mental, rohani dan hubungan antara manusia selaras dengan FPK.

Penyampaian proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara konvensional perlu diberikan nafas baru dan melalui proses perubahan. PdP tidak perlu hanya terbatas di dalam bilik kuliah malahan boleh diperluaskan lagi skop PdP dengan melaksanakan program bersama komuniti

*Koresponden: sabariah6128@gmail.com

iaitu Program Tanggungjawab Sosial (CSR). Politeknik telah menghasilkan pelbagai kajian serta inovasi yang boleh dimanfaatkan dengan komuniti setempat melalui Program CSR dan peneraju utama di dalam program ini adalah pelajar politeknik. Matlamat utama Institusi Pengajian Tinggi termasuk politeknik adalah untuk menghasilkan graduan yang intelektual (kekuatan budaya berfikir), berperibadi unggul (keutuhan akhlak) dan berupaya memenuhi keperluan rakyat [2].

PERNYATAAN MASALAH

Program CSR dikalangan pelajar politeknik bukanlah sesuatu yang baru tetapi telah kerap kali dilaksanakan yang mana aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti gotong royong seperti membersihkan, mencuci, mengecat dan sebagainya. Namun demikian terdapat perubahan pelaksanaan program CSR di politeknik yang telah ditetapkan iaitu pelaksanaan program CSR perlulah sejajar dan seiring dengan matlamat politeknik untuk menjadi Institusi TVET yang unggul. Bagi merealisasikan visi politeknik pelaksanaan program CSR perlulah berkait rapat dengan program yang ditawarkan di politeknik. Selain daripada itu pelaksanaan program CSR berasaskan program pelajar merupakan keperluan yang dinyatakan di dalam kriteria bagi komponen audit contohnya Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (Apacc). Dokumen APACC untuk Kriteria 5 - Image and Sustainability, the presence of the institution should be recognized by the community. Its image is enhanced by extending its expertise through Outreach Programs, Income Generating Programs, and sharing or getting support to its expertise through Linkages and Networking. In Criterion 5 for Indicator 5.1 Outreach Programs stated, "A program for extending assistance, services, etc., to a community especially as an act of charity or goodwill. It is sometimes referred to as extension program or community service program which covers efforts to increase the availability and utilization of services, especially through direct intervention and interaction with the target population". Daripada keperluan audit tersebut dinyatakan bahawa, Program Outreach yang dijalankan perlulah merangkumi pengisian aktiviti perkongsian pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang ditawarkan di politeknik.

Melalui kajian yg telah dilaksanakan mendapati pencetus utama pengangguran dalam kalangan graduan adalah disebabkan ketidakpadanan kemahiran graduan dengan kehendak pasaran atau majikan. Kajian ini juga melaporkan bahawa 81 peratus majikan melaporkan graduan lepasan universiti kekurangan kemahiran komunikasi, diikuti dengan 56 peratus mendakwa graduan lemah dalam pemikiran kritikal dan kreatif. Penemuan kajian juga menunjukkan graduan mempunyai kekurangan dalam kemahiran analisis dan ketidakupayaan bekerja tanpa pengawasan atau tunjuk ajar. Kemahiran insaniah (soft skill) yang lemah ini adalah faktor penting kegagalan graduan memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian. Kajian tersebut merumuskan bahawa bagi memastikan kemahiran yang diberikan di institusi pengajian berpadanan dengan keperluan majikan, maka kolaborasi antara institusi pendidikan dan firma-firma mesti diperkasa bagi menambah baik kualiti dan pengisian pendidikan di universiti dan juga institusi latihan [3]. Permasalahan ini perlu diselesaikan untuk merealisasikan Amanat 2019, di Majlis Amanat Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr Maszlee bin Malik iaitu "Tidak terkecuali politeknik dan kolej komuniti juga tidak akan dipinggirkan daripada radar terutama dalam meningkatkan kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan,"

Kemahiran kepimpinan dapat diasah melalui pelbagai aktiviti seperti CSR, unit pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan. Memimpin dan mengurus bukannya seperti orientasi ilmu akademik yang kebanyakannya berkisar dalam kelas dan kertas-kertas ujian, tetapi melalui satu pendidikan yang mesti dialami dan dirasai sendiri oleh pelajar tersebut, sebab memimpin dan mengurus Tanya berhadapan dengan manusia. Lantaran itu, apabila pelajar diberikan peluang mengurus persatuan-persatuan dan kelab atau sebagainya, maka secara serentak mereka akan dapat memimpin dan mengurus ahli-ahlinya (manusia) memerlukan kebijaksanaan, komunikasi, physiology dan strategi yang tertentu[4].

OBJEKTIF

Melalui permasalahan yang dinyatakan, 3 objektif kajian adalah seperti berikut:

- (i) Mengakaji signifikan aplikasi kurikulum akademik di politeknik melalui penglibatan secara langsung dengan komuniti terutama bidang pendidikan
- (ii) Mengenal pasti kebolehan pelajar yang boleh dieksploitasikan dalam proses penyampaian maklumat mengikut kesesuaian persekitaran.
- (iii) Mengkaji dan memfokuskan kepada proses sosialisasi masyarakat bagi memperkasakan potensi diri pelajar secara menyeluruh.

SOROTAN KAJIAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Akta Pendidikan 1996, Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI) pelajar secara holistik. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Dalam erti kata lain, matlamat pendidikan di negara kita ialah untuk melahirkan insan yang baik melalui system pendidikan yang mampu menggarap dan membina JERI pelajar secara holistik. Matlamat inilah yang melandasi setiap dasar dan perancangan pendidikan yang digubal dan dilaksanakan di negara kita. Justeru itu, dalam mencapai matlamat melahirkan modal insan yang akan mengisi keperluan untuk memajukan ekonomi negara di masa hadapan, kita bukan sahaja menekankan aspek penguasaan ilmu dan kemahiran, tetapi juga keterampilan dan keperibadian insan yang mulia. Sistem pendidikan seharusnya mampu melahirkan graduan yang mantap dalam pelbagai disiplin ilmu, rohani, minda, emosi, interaksi, adab dan etika selaras dengan hasrat negara untuk memantapkan lagi modal insan [5-6].

Kerajaan sangat komited untuk mentransformasikan sistem pendidikan ke arah sistem pendidikan yang dapat melahirkan generasi melalui perkembangan secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk meraih kejayaan dalam dunia yang penuh dengan cabaran serta persaingan. Sokongan dan usaha keras kerajaan untuk membangunkan sistem pendidikan dan secara tidak langsung memberikan impak positif kepada TVET institusi melalui peningkatan belanjawan yang diperuntukkan bagi sistem pendidikan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah memberikan penekanan yang khusus mengenai keperluan TVET kepada pasaran buruh dan ekonomi negara. Kerajaan melalui pengumuman Bajet 2019 juga memberi perhatian yang khusus terhadap pemerkasaan pendidikan TVET. Keperluan negara untuk mencapai negara maju atau ekonomi berpendapatan tinggi ini memerlukan penambahan dalam enrolmen modal manusia berkemahiran TVET [7]. Persaingan era globalisasi dan perubahan landskap ekonomi ke arah k-ekonomi memerlukan penguasaan pendidikan, kemahiran dan teknologi sebagai indikator pemacu kepada pertumbuhan ekonomi [8].

Kurikulum yang digubal berasaskan kemahiran kebolehpasaran akan memudahkan para pensyarah di politeknik menerapkan unsur-unsur kemahiran dalam pengajaran mereka. Kemahiran seperti interpersonal, berfikir, penyelesaian masalah, kemahiran penyelidikan harus dimasukkan dalam pendidikan universiti bagi melahirkan graduan yang bermutu dalam pasaran ekonomi global [9]. Jabatan Pengurusan Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi perlu mengorak langkah yang seiring dengan keperluan industri bagi memudahkan lulusan politeknik menempatkan diri dalam dunia pekerjaan. Antara perkara yang diberi perhatian adalah kurikulum yang dibangunkan mestilah memenuhi aspek kemahiran yang diperlukan oleh

majikan dan industri [10]. Penglibatan pihak industri dan Panel Penasihat Program dalam penggubalan kurikulum dapat memastikan kurikulum yang digubal selaras dengan kehendak dan perubahan semasa mengikut keperluan industry. Penekanan terhadap penyediaan kurikulum yang seimbang dan mengikut kehendak semasa adalah perlu dalam menyediakan tenaga kerja yang berkualiti [11]

CSR boleh juga difahami sebagai satu rangka kerja bagi peranan sesebuah institusi korporat dan meletakkan satu standard perlakuan di mana sesebuah syarikat mesti mengambil kira untuk memberi kesan yang positif dan produktif kepada masyarakat [12]. Dapatan kajian merumuskan bahawa Tanggungjawab sosial korporat merupakan satu medium terbaik untuk organisasi korporat melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, konsep dan pelaksanaan CSR ini perlu diperkemas dan dimantapkan bagi memastikan ianya dapat memberikan keputusan dan kesan yang diinginkan sesuai dengan matlamat pelaksanaannya. Dalam memastikan CSR ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik di masa akan datang, semua pihak sama ada organisasi korporat terutamanya IPTA, masyarakat bahkan juga kerajaan perlu berganding bahu dan mengemblem tenaga bersama-sama menjayakan CSR ini agar ianya tidak hanya menjadi satu konsep semata-mata [13].

METODOLOGI

Metadologi kajian merupakan bahagian yang sangat penting dalam melaksanakan penyelidikan. Bahagian metadologi kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama kajian lapangan iaitu pelaksanaan program CSR yang dilaksanakan adalah melibatkan aktiviti atau pengisian program yang berbeza-beza serta melibatkan skop komuniti yang berlainan. Pengisian program CSR yang melibatkan aktiviti 'knowledge transfer' seperti kerja-kerja pendawaian elektrik, perkongsian trainer inovasi yang dihasilkan, pendedahan berkaitan robotik dan amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa amal). Pengisian aktiviti CSR ini telah berjaya dilaksanakan mengikut keperluan skop komuniti iaitu di Sekolah Rendah Agama Rakyat, Sekolah Menengah dan Rumah Anak Yatim.

Bahagian kedua metadologi kajian ini adalah pengumpulan data kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Data kajian menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkel, 2007). Soalselidik telah diedarkan kepada peserta kursus bagi setiap CSR yang dijalankan. Borang soalselidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A adalah berkaitan profil responden dengan memberi keutamaan kepada jantina responden dan bahagian B berkaitan dengan CSR yang merangkumi empat pecahan seiring dengan FPK.

Jadual 1 Soalselidik Program CSR

BAHAGIAN A	
Jantina: LELAKI / PEREMPUAN	
BAHAGIAN B	
1. Jasmani	
a.	Menggunakan bakat/kemahiran dengan cekap
b.	Memanfaatkan tenaga fizikal secara berdikari
c.	Berupaya untuk melaksanakan tugas dengan baik
2. Emosi	
a.	Memiliki semangat muhibah/perpaduan
b.	Boleh bekerjasama dengan peserta lain
c.	Memiliki rasa kasih sayang
3. Rohani	

a.	Membentuk akhlak mulia
b.	Memupuk dan membina disiplin
c.	Menghargai dan mensyukuri
4. Intelek	
a.	Mengemukakan idea-idea bernas
b.	Mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan yang diperolehi di politeknik
c.	Menguasai kemahiran teknikal

Soal selidik ini menggunakan Skala Likert lima mata untuk mengukur tahap keberkesanan CSR yang telah dijalankan kepada responden iaitu pelajar. Skala Likert seperti di bawah:

Jadual 2 Skala Likert

1	Sangat tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4.	Setuju
5	Sangat setuju

Kajian rintis ini telah melibatkan 93 responden daripada program CSR yang berlainan. Soalselidik sebagaimana Jadual 1 telah diedarkan sebelum dan selepas program CSR.

Selain daripada kaedah kuantitatif, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual secara bersemuka dengan responden luar politeknik. Temubual adalah suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih untuk mendapatkan maklumat secara langsung dengan responden. Kaedah temubual secara berstruktur iaitu menggunakan soalan dalam skop tujuan yang sama dengan soalan ssoalselidik telah dilaksanakan untuk mempermudah responden memberikan gambaran dan pandangan terhadap pelajar politeknik.

Perlaksanaan program CSR

1. CSR Sekolah Agama Rakyat Al-Ehya (SRAR AL-EHYA), Malim Nawar Perak

Program CSR ini disertai oleh 43 orang pelajar Kelab Amalan 5S dari Jabatan yang berbeza iaitu Jabatan Perdagangan (JP), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) Serta Pensyarah Pengiring seramai 6 orang. Program ini juga berkolaborasi dengan Unit CSR JKE. Aktiviti yang dijalankan semasa program CSR ini adalah mengaplikasikan konsep Amalan 5S di sekolah tersebut iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa amal. Selain itu mewujudkan sudut kitar semula di sekolah tersebut untuk menggalakkan warga sekolah menyahut kempen *Recycle*. Pelajar JKE terlibat dengan kerja-kerja pendawaian semula, baik pulih dan pendawaian baru. Guru Besar Sekolah memohon supaya pemasangan semula lampu keselamatan di bangunan luar dewan utama, pemasangan lampu dan soket di bilik guru. Pemasangan semula lampu keselamatan memerlukan pelajar mengenalpasti sama ada pendawaian sedia ada masih boleh berfungsi atau tidak. Guru-guru sekolah berpeluang untuk sama-sama mempelajari proses pendawaian yang dilaksanakan. Program ini dilaksanakan selama 3 hari 2 malam dan diakhiri dengan persembahan pelajar sekolah dan pelajar politeknik.

Program CSR ini telah diadakan di Rumah Anak Yatim Emirates, Satun Thailand. Program ini telah disertai oleh 30 orang kakitangan PSP dan 10 orang pelajar PSP. Rumah anak yatim ini telah dibangunkan oleh Emirates Group yang menyediakan penempatan kepada lebih dari 60 orang penghuni yang semuanya adalah penghuni perempuan yang berumur dari 4 tahun hingga ke 18

tahun. Idea ini dicetuskan atas keinsafan dan kesedaran bahawa anak-anak yatim adalah pelengkap kepada masyarakat yang aman dan harmoni. Majoriti masyarakat di Satun terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Aktiviti yang dijalankan adalah gotong royong memasak untuk makan tengah hari bagi semua yang terlibat termasuk ahli rombongan. Selain daripada itu demonstrasi robot iaitu *Titi Board Robot* telah dijalankan oleh pelajar- pelajar PSP. Anak-anak di sana berpeluang untuk mengendalikan robot tersebut. Sukaneka juga diadakan untuk mendekati anak-anak di sana dengan lebih rapat. Namun demikian tidak dilupakan juga penyampaian sumbangan ikhlas daripada staf dan rakan-rakan berbentuk wang, makanan dan pakaian.

3. Bengkel Elektrik dan Elektronik – Multimeter Chart, SDT KIT dan Basic Elektrik Kit

Bengkel Elektrik dan Elektronik dianjurkan untuk pelajar-pelajar fizik dari Sekolah Menengah Tun Hussein Onn dan Sekolah Menengah Pauh Jaya. Seramai 20 orang pelajar dari setiap sekolah akan menyertai bengkel ini bersama dengan guru pengiring masing-masing. Pelajar politeknik seramai 15 orang dipecahkan kepada 5 kumpulan untuk mengendalikan booth yang berbeza iaitu 1 booth untuk multimeter chart, 2 booth untuk SDT KIT dan Basic Elektronik Kit. Pelajar-pelajar sekolah dipecahkan kepada 5 kumpulan dan akan bergerak ke booth pameran secara bergilir-gilir. Penerangan dan sesi demo akan dijalankan oleh pelajar.

4. Csr – I Love Robot Bersama Pensyarah & Pelajar PSP Dan Pelajar Sekolah Angkat Politeknik Seberang Perai

Inovasi adalah hasil cetus idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dilaksanakan dalam aktiviti kelab dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti. Rekacita merupakan penghasilan produk atau barangan atau pengubahsuaian sesuatu produk yang sedia ada, bagi memenuhi kehendak pengguna masa kini dan akan datang. Proses rekacipta berasaskan kepada gabungan tiga konsep iaitu minda, kemahiran serta sikap atau nilai. Ketiga-tiga konsep ini digabung jalin bagi menyelesaikan sesuatu dengan melaksanakan cetus idea yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bentuk ilustrasi serta penghasilan semula dalam bentuk prototaip atau model. Rekacipta dihasilkan daripada idea tersendiri atau diubahsuai dan mempunyai nilai komersial.

Melalui program ini, seramai 20 orang pelajar PSP telah merekacipta satu robot asas yang akan berubah fungsinya dengan pengaturcaraan dan aksesori robot tersebut. Robot ini boleh menjadi soccer robot, sumo robot dan Titiboard robot. Aktiviti di dalam program CSR ini melibatkan sesi Tunjukcara dan demo serta pertandingan ketiga-tiga jenis Robot.

KEPUTUSAN KAJIAN


Perbincangan hasil dapatan kajian menggunakan soalselidik bagi empat Program CSR yang telah dilaksanakan. Data yang diperolehi mengambilkira sampel responden seramai 85 orang yang terdiri daripada 45 orang pelajar lelaki dan 38 orang pelajar perempuan. Soalselidik telah diedarkan kepada peserta kursus sebelum dan selepas Program CSR yang dijalankan. Borang soalselidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bagi item jasmani yang dibahagikan kepada tiga pecahan sebagaimana di dalam Rajah 1 dan 2 menunjukkan dapatan yang positif selepas program dilaksanakan di mana 46.8% pelajar lelaki dan 21% pelajar perempuan sangat setuju berjaya menggunakan bakat/kemahiran dengan cekap, 21.3% pelajar lelaki dan 21% pelajar perempuan sangat setuju dapat memanfaatkan tenaga fizikal secara berdikari dan 38.3% pelajar lelaki dan 42.1% pelajar perempuan sangat bersetuju berupaya untuk melaksanakan tugas dengan baik. Ini menjurus kepada kesan yang baik bagi responden dibandingkan dengan dapatan sebelum Program CSR dilaksanakan. Sebelum Program CSR pelajar tidak berkeyakinan dalam menggunakan bakat dan kemahiran tetapi selepas program

pelajar dapat menggunakan bakat dan kemahiran dengan cekap terutamanya dikalangan pelajar lelaki dibandingkan dengan pelajar perempuan.


Bagi item emosi berdasarkan Rajah 3 dan 4 menunjukkan 42.6% pelajar lelaki dan 47.4% pelajar perempuan sangat setuju memiliki semangat muhibah/perpaduan, 40.4% pelajar lelaki dan 47.4% pelajar perempuan sangat setuju boleh bekerjasama dengan peserta lain serta 42.6% pelajar lelaki dan 47.4% pelajar perempuan sangat setuju memiliki rasa kasih sayang. Melalui Program CSR, berlaku anjakan ke arah perubahan positif dikalangan pelajar dari aspek emosi.

Hasil dapatan bagi item rohani merujuk kepada Rajah 5 dan 6, untuk pecahan membentuk akhlak mulia 38.3% pelajar lelaki dan 47.4% pelajar perempuan sangat setuju, memupuk dan membina disiplin 40.4% pelajar lelaki dan 42.1% pelajar perempuan sangat setuju serta menghargai dan mensyukuri 46.8% pelajar lelaki dan 57.8% pelajar perempuan sangat setuju. Dapat dilihat dengan jelas pelajar perempuan untuk item emosi dan rohani mendominasi pelajar lelaki.


Rajah 7 dan 8 adalah mempamerkan dapatan bagi item intelek di mana 42.6% pelajar lelaki dan 21% pelajar perempuan sangat setuju berjaya mengemukakan idea-idea bernas serta 57.5% pelajar lelaki dan 21% pelajar perempuan sangat setuju dapat mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan yang diperolehi di politeknik. Manakala 46.8% pelajar lelaki dan 42.1% pelajar perempuan sangat setuju dapat menguasai kemahiran teknikal lebih baik selepas melaksanakan Program CSR. Melalui hasil dapatan ini menunjukkan selepas program pelajar-pelajar lebih berkeyakinan dalam mengaplikasikan teori yang telah diperolehi di politeknik terutamanya dikalangan pelajar lelaki lebih menonjol bagi item intelek dibandingkan dengan pelajar perempuan.




Rajah 1. 4 CSR: Item Jasmani Lelaki dan Perempuan (Sebelum Program).




Rajah 2. 4 CSR : Item Jasmani Lelaki dan Perempuan (Selepas Program).




Rajah 3. 4 CSR: Item Emosi Lelaki dan Perempuan (Sebelum Program).




Rajah 4. 4 CSR: Item Emosi Lelaki dan Perempuan (Selepas Program).




Rajah 5. 4 CSR: Item Rohani Lelaki dan Perempuan (Sebelum Program).



Rajah 6. 4 CSR: Item Rohani Lelaki dan Perempuan (Selepas Program).



Rajah 7. 4 CSR: Item Intelek Lelaki dan Perempuan (Sebelum Program).



Rajah 8. 4 CSR: Item Intelek Lelaki dan Perempuan (Selepas Program).

Melalui kaedah temubual yang melibatkan 2 responden bagi setiap Program CSR yang dijalankan. Temubual secara berstruktur telah menggunakan soalan yang sama sebagaimana soalselidik tetapi dipermudahkan dalam bentuk soalan temubual bagi mempermudah responden memberikan maklumbalas. Responden yang terlibat adalah seperti sampel di bawah:

- Sampel 1: Guru Besar Sekolah Rendah Al-Ehya Malim Nawar
- Sampel 2: Pengerusi Sekolah Rendah Al-Ehya Malim Nawar
- Sampel 3: Pengetua Rumah Anak Yatim Emirates, Satun Thailand
- Sampel 4: Pengurus Asrama Rumah Anak Yatim Emirates, Satun Thailand
- Sampel 5: Guru Sekolah Menengah Tun Hussein Onn
- Sampel 6: Guru Sekolah Menengah Pauh Jaya
- Sampel 7: Guru Sekolah Menengah Bandar Baru Perda
- Sampel 8: Guru Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Perda

Dapatan dari pada temubual dengan responden mendapati wujud kesan positif hasil daripada penglibatan pelajar di dalam Program CSR untuk semua aspek iaitu Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek selaras dengan FPK. Penglibatan pelajar dalam program CSR membolehkan pelajar mengenal potensi diri dan keupayaan diri mereka. Pengalaman dan penglibatan mereka telah mencungkil keupayaan sebenar pelajar.

Jadual 3 Temubual soalan 1 aspek jasmani

Soalan 1 : Jasmani – Menggunakan bakat/kemahiran, berdikari dan melaksanakan tugas dengan baik
Sampel 1 Pelajar politeknik bersemangat dan bekerjasama dalam melakukan semua aktiviti yang dirancang. 90% aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan kecuali pendawaian surau tidak dapat dilaksanakan kerana masih dalam proses pengubahsuaian.

Sampel 2	Pelajar-pelajar politeknik berdisiplin, berkerjasama dan berkemahiran. Terdapat juga pelajar yang berbakat dalam bidang nyanyian dan membuat persembahan dengan baik.
Sampel 4	Pelajar dapat mengendalikan kerja dengan baik dan arahan daripada cikgu-cikgu adalah minimum.
Sampel 5	Pelajar dapat menerangkan dan melaksanakan tugas dengan baik

Jadual 4 Temubual soalan 2 aspek emosi

Soalan 2 : Emosi – Memiliki semangat muhibah/perpaduan, berkerjasama dan memiliki rasa kasih sayang	
Sampel 1	Pelajar politeknik berkerjasama dalam menjalankan agihan tugas yang diberikan. Walaupun berbeza bangsa kerjasama dapat dilihat dengan jelas.
Sampel 2	Pelajar tidak janggal untuk bemesra dengan masyarakat pelbagai usia iaitu pelajar sekolah, guru-guru, jawatankuasa sekolah dan jawatankuasa kampung. Tahniah
Sampel 3	Pelajar politeknik pandai menyesuaikan diri dengan persekitaran. Walaupun arahan dan penerangan perlu diulang disebabkan bahasa melayu anak-anak di sini tidak begitu bagus tetapi mereka berusaha dengan gigih untuk menjayakan program
Sampel 8	Pelajar politeknik dapat mengendalikan pelajar sekolah rendah dengan baik.

Jadual 5 Temubual soalan 3 aspek rohani

Soalan 3 : Rohani – Membentuk akhlak mulia, berdisiplin, menghargai dan mensyukuri	
Sampel 1	Semasa makan tengahhari dan malam barbeque pelajar pandai bergaul dengan orang-orang tua dan bukan sekadar tunggu makanan siap dihidang tetapi mereka membantu menyediakan makanan. Saya memberikan komen ini berdasarkan pemerhatian saya kerana saya berada bersama-sama pelajar sepanjang program dari pagi sampai malam
Sampel 2	Pelajar-pelajar politeknik berdisiplin, berkerjasama dan berkemahiran
Sampel 3	Terima kasih di atas sumbangan kepada pihak kami. Terima kasih kerana telah membahagiakan anak-anak pada hari ini. Hanya Allah sahaja yang mampu memberikan balasan kepada semua. Syabas
Sampel 4	Pelajar pandai menyantuni anak-anak di sini walaupun sukar untuk dalam berbahasa

Jadual 6 Temubual soalan 4 aspek Intelek

Soalan 4 : Intelek – Mengemukakan idea, aplikasikan ilmu dan pengetahuan di politeknik dan menguasai kemahiran teknikal	
Sampel 1	Pelajar-pelajar jugak berjaya melakukan pendawaian dengan baik dan pensyarah cuma memastikan pelajar-pelajar berkerja dengan cara yang betul. Selain daripada itu pelajar dapat menerangkan dengan baik kepada guru-guru sekolah cara pendawaian mudah.
Sampel 2	Pelajar-pelajar politeknik berdisiplin, berkerjasama dan berkemahiran. Pelajar berjaya melaksanakan tugas yang telah diberikan kepada

	mereka
Sampel 5	Banyak yang pelajar sekolah boleh belajar menggunakan ketiga-tiga Kit yang dihasilkan. Penerangan yang bagus dan jelas. Diharap akan ada lagi program seperti ini diadakan pada masa akan datang
Sampel 6	Ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya pihak pengurusan program dan pelajar-pelajar politeknik atas sumbangan dan usaha anda kepada masyarakat khususnya kepada murid-murid smk pauh jaya dan yang lain. Semoga ilmu bermanfaat ini akan terus berkekalan kepada anak-anak didik kami. Sehingga bertemu lagi di lain masa.
Sampel 7	Pelajar sekolah dapat memahami teori dengan baik dan sesi amali mengukuhkan pembelajaran secara teori. Menarik untuk dijadikan sebagai aktiviti wajib
Sampel 8	Terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kejuruteraan Elektrik PSP yang sudi menjemput dan memberikan pendedahan kepada para pelajar kami berkaitan robot.

Melalu dapatan hasil kajian samaada secara kualitatif dan kuantitatif telah menunjukkan Program CSR dengan mengaplikasikan kurikulum akademik di politeknik melalui penglibatan secara langsung dengan komuniti terutama bidang pendidikan adalah signifikan. Ini dibuktikan daripada sesi temubual bersama dengan responden dan jugak dapatan soalselidik bagi aspek intelek menunjukkan pelajar politeknik dapat menonjolkan idea-idea bernas serta mereka dapat mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan secara teori di politeknik dalam dunia sebenar. Kemahiran teknikal pelajar juga sangat baik dan ini mentahkikkan aplikasi kurikulum dalam Program CSR adalah relevent. Objektif kajian yang pertama telah dapat dicapai dengan baik.

Data soalselidik yang mempamerkan penerimaan positif pelajar selepas melaksanakan Program CSR serta maklumbalas daripada responden secara temubual bagi aspek jasmani menjurus kepada impak pencapaian bagi objektif kedua iaitu kebolehan pelajar dapat dieksploitasikan dengan baik. Pelajar mampu untuk mengendalikan tugas dengan sempurna walaupun penyeliaan daripada pensyarah adalah paling minimum bagi setiap tugas yang diamanahkan. Pelajar dapat menonjolkan bakat dan kebolehan masing-masing serta mampu berdikari. Program CSR yang dilaksanakan melibatkan masyarakat atau komuniti yang berbeza dalam dan luar negara iaitu peserta sekolah rendah, sekolah menengah, pihak pentadbir sekolah serta rumah anak yatim. Pendedahan ini memberi peluang kepada pelajar untuk menyesuaikan proses penyampaian mengikut persekitaran semasa.

Dapatan kajian bagi aspek emosi dan aspek rohani telah menunjukkan Program CSR berjaya membentuk karakter pelajar menjadi seorang yang mempunyai semangat perpaduan, boleh bekerjasama dan mempunyai rasa kasih sayang. Karakter berakhlak mulia, berdisiplin serta menghargai dan mensyukuri dapat dipupuk dengan baik. Hasil kajian soalselidik membuktikan pelajar memberikan respond yang baik selepas Program CSR dilaksanakan. Temubual dengan responden jugak memberikan maklum balas yang baik selaras dengan objektif yang ketiga iaitu proses sosialisasi masyarakat bagi memperkasakan potensi diri pelajar secara menyeluruh. Selain daripada itu pelajar berjaya mejalani proses sosialisasi masyarakat bagi memperkasakan potensi diri pelajar secara menyeluruh dibuktikan melalui kajiselidik dan temubual.

CADANGAN

Setelah mengkaji dapatan kajian, cadangan penambahbaikan bagi aplikasi kurikulum politeknik melalui program tanggungjawab sosial (CSR) dapat memperkasakan graduan TVET yang Holistik adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan Program CSR perlu bermula dengan pelajar Semester satu lagi bagi memupuk semangat mereka untuk melibatkan diri dalam program-program kemasyarakatan dan bukan hanya terikat dengan akademik sahaja. Persepsi positif dapat dicambah dan dipupuk serta minda pelajar dapat dikembangkan dengan suasana persekitaran dan komuniti yang berbeza. Manakala pelajar-pelajar berpeluang untuk menyertai program CSR lebih daripada sekali yang akan memberikan pengalaman dan kemahiran yang berbeza kerana situasi dan peserta adalah berlainan.
- ii. Pengisian aktiviti sepanjang program CSR perlu berkait dengan kurikulum. *Need survey* perlu dijalankan sebelum melaksanakan program CSR untuk mendapatkan gambaran tepat keperluan yang diperlukan oleh pihak yang berkaitan bagi menawarkan program yang bukan hanya memberikan implikasi positif kepada pelajar politeknik tetapi juga kepada institusi/organisasi/komuniti yang terlibat. Perkongsian ilmu bersama pihak politeknik dapat memberikan manfaat oleh pihak yang terlibat dalam kehidupan harian atau dipanjangkan sehingga peringkat yang lebih tinggi akan memberikan impak besar kepada kedua-dua pihak.
- iii. Pengiktirafan perlu diberikan kepada pelajar-pelajar yang menyertai Program CSR dengan memberikan ganjaran dalam bentuk sijil penghargaan daripada PSP. Selain daripada itu anugerah untuk pelajar yang aktif dalam Program CSR juga boleh diwujudkan di dalam majlis anugerah untuk pelajar selain daripada anugerah yang sedia ada.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, aplikasi kurikulum politeknik melalui program tanggungjawab sosial (CSR) dapat memperkasakan graduan TVET Yang Holistik. Hasil kajian menunjukkan aplikasi kurikulum akademik di politeknik melalui penglibatan secara langsung dengan komuniti terutama bidang pendidikan adalah signifikan. Pelajar-pelajar yang menyertai program CSR bukan sahaja dapat mengukuhkan tahap pemahaman mereka secara teori tapi jugak memantapkan kemahiran-kemahiran teknikal pelajar sejajar dengan politeknik sebagai institusi TVET.

Dapatan juga memperkukuhkan lagi, kebolehan pelajar yang boleh dieksploitasikan dalam proses penyampaian maklumat mengikut kesesuaian persekitaran. Pelajar-pelajar mampu memindahkan maklumat dan idea dengan berkesan mengikut keperluan dan persekitaran yang pelbagai walaupun terdapat perbezaan umur, bahasa, budaya, sosio ekonomi dan pendidikan. Proses sosialisasi masyarakat bagi memperkasakan potensi diri pelajar secara menyeluruh dapat dicapai melalui Program CSR memberi impak holistic kepada pelajar dan mencapai Falsafah Pendidikan Negara iaitu iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Maklumbalas daripada peserta luar politeknik yang menyertai Program CSR ini juga memberangsangkan dan menyakinkan bahawa program sebegini memberikan nilai tambah kepada pelajar-pelajar politeknik dan mentransformasikan mereka menjadi insan yang berketrampilan dan sentiasa bersiap siaga dalam menempuhi pelbagai situasi. Bukan ilmu pengetahuan dan kemahiran teknikal sahaja yang diperlukan untuk menjadikan graduan politeknik kompetitif serta memenuhi keperluan industri tetapi juga perlu seimbang dari segi sahsiah dan insaniah.

RUJUKAN

- Mohamad Sattar R, Md Yusop I, Napsiah I, Muhammad Rashid R, Rose Amnah A R. (2009). Peranan Institusi pendidikan teknikal di dalam pemupukan kemahiran Employability pelajar Journal Teknologi, 50 (E) Jun 2009: 113 – 127 UTM
- Siti Zaleha Omain, Ahmad Jusoh, Low Hock Eng, Norliza Mohd Salleh dan Shafudin Mohd Yatim (2007) Penentuan Kemahiran yang Bersesuaian Untuk Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Teknologi. Laporan Projek Penyelidikan VOT75101. Research Management Center, UTM.
- Norajila Binti Che Man, Nor Azlina Binti Abd Wahab, Norafifah Binti Ab Hamid, Nurul Izza Binti Ahad, Pelaksanaan Csr Di Ipta: Sorotan Awal Kajian Di Uitm , UiTM Melaka (2014) *with* 2,120 Reads Conference: International Seminar On Islamic Finance And Philanthropy
- Talent Corp (2014). Matching talent to jobs: Trends in graduate employability. Dicapai daripada <https://www.talentcorp.com.my/facts-and-figures/matching-talents-to-jobs>
- Yahaya Don, (2007), Kepimpinan Pendidikan Di Malaysia, PTS Professional Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Zafir Mohd Makhbul, I.Y. 2012) Kriteria Pengambilan dan Pemilihan Graduan Dari Perspektif Pengurusan Sumber Manusia. Journal Personalia Pelajar 15, ISSN 0128-273-11-1
- Mustafa, M.Z., Buntat, Y., Salleh, K. M., Madar, A. R., Maznor, M. (2011). Kompetensi interpersonal dalam kalangan mahasiswa universiti berdasarkan kepada Model Human Resource Development (HRD) Practice McLagan. Journal of Human Capital Development, 4, 1–40.
- Asyraff Wajdi Dusuki (2006), Stakeholder's Expectation Towards Corporate Social Responsibility of Islamic Banks, International Accounting Conference 3, 26th-28th June 2006, International Islamic University Malaysia Kuala Lumpur
- Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah & Aninuddin Udin. (2011). Menyelesaikan Masalah Pembangunan Akhlak Remaja: Analisis Penerapan Kemahiran genetic dalam amalan Pendidikan, Journal of Edupres,1, 223-229
- Mohd Jalil, A., Noor Hisham, J., & Annas Akhmal, H. (2015). TVET di Malaysia: Cabaran dan harapan. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan Awam (pp. 340-346). Batu Pahat: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM.
- Mohd. Hamidi Abdul Hamid, Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam, Perniagaan Qomarul Roihan, Maran 2002
- Ramlee M, Faridah K, Ruhizan M Y, Norzaini A, Hamidah Y, A. Wahab M dan Sobri T. (2008). K-Economy and globalisation – are our students ready? Jurnal Personalia Pelajar Bil 11 Jun 2008 (1-23).
- Rahmah, I., Ishak, Y., Zulkifly, O., Abd Hair, A., & Liew, C. S. (2013). Daya saing pekerja sektor perkhidmatan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan pustaka. Journal of Nusantara Studies 2019, Vol 4(2) 410-428 ISSN 0127-9386 (Online) <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp410-428>